

24/12/1998

Prosedur baru pas pelajar lebih mudah

Mohamad Muda

KEMENTERIAN Dalam Negeri meluluskan prosedur baru yang lebih mudah berhubung pemberian pas kepada pelajar asing berkuatkuasa mulai 2 Januari depan, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, dengan prosedur baru yang disifatkan banyak membantu pelajar asing dalam urusan mendapat pas itu, diharap mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

"Saya diberitahu oleh Ketua Pengarah Imigresen bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri sudah pun meluluskan prosedur baru ini.

"Dengan perubahan baru ini, diharap akan menggalakkan lagi penyertaan pelajar asing belajar di Malaysia," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya di Pusat Bandar Damansara, semalam.

Sehingga Oktober lalu, seramai 11,735 pelajar, kebanyakannya dari Indonesia, Republik Rakyat China, Singapura, India, Jepun, Korea, Bangladesh, Maldives dan Brunei belajar di Malaysia.

Berdasarkan prosedur baru itu, Najib berkata institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bertanggungjawab mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen untuk mendapatkan pas itu bagi pihak pelajar.

Menurutnya, setelah disemak oleh Jabatan Imigresen dan jika memenuhi syarat serta kriterianya, surat kelulusan permohonan mendapatkan pas itu akan diberi kepada IPTA/IPTS yang berkenaan.

"IPTA/IPTS yang berkenaan pula hanya akan menyerahkan surat kelulusan daripada Jabatan Imigresen itu kepada pelajar terbabit setelah mereka tiba di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, beberapa lagi kelebihan prosedur baru berbanding yang diamalkan ialah memudahkan segala keperluan birokrasi kerana prosesnya cepat iaitu mengikut Piagam Pelanggan, selama dua minggu.

Mengikut peraturan baru itu juga, katanya, Jabatan Imigresen akan menyimpan segala maklumat dan rekod berhubung pelajar yang memohon pas menerusi IPTA/IPTS pilihan masing-masing itu.

Najib berkata, selain bertanggungjawab penuh, termasuk dari segi perlakuan dan tingkah laku, IPTA/IPTS yang berkenaan juga dimestikan mengikat jamin pelajar asing, masing-masing.

Menurut beliau, berdasarkan prosedur lama, pelajar asing menghadapi pelbagai masalah, termasuk terpaksa mendapatkan visa terlebih dahulu sebelum masuk ke negara ini, selain masa prosesnya yang agak lama.

"Mereka yang pada mulanya berminat untuk belajar terhalang kerana perwakilan Malaysia tidak ditempatkan di semua negara untuk mereka hubungi atau berurusan bagi tujuan belajar di negara ini.

"Malah di Republik Rakyat China, dilaporkan ada pihak tertentu menyamar menjadi ejen dengan mengenakan bayaran sehingga RM11,400 bagi setiap pas pelajar. Dengan prosedur baru, masalah ini dapat diatasi," katanya.

(END)